

2 hb Julai, 1985

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.


SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.5/1985

Laporan Mengenai Kejadian-kejadian Luar Biasa

Dari semasa kesemasa kejadian yang luar biasa yang mungkin menarik perhatian orangramai, akhbar-akhbar atau agensi-agensi lain berlaku di negeri-negeri. Umpamanya baru-baru ini satu tong racun perosak paraquat dilaporkan jatuh ke dalam Sungai Kelantan. Kejadian ini telah menarik perhatian pihak-pihak yang bertanggungjawab, akhbar-akhbar dan orangramai. Walaupun kejadian ini telah lama berlaku, tetapi Kementerian Kesihatan mendapat tahu hanya apabila saya dihubungi oleh pihak akhbar. Kerana saya telah tidak diberitahu tentang kejadian ini, maka saya telah tidak dapat memberi butir-butir yang tepat kepada pihak akhbar.

2. Mulai dari tarikh Pekeliling ini, semua Pengarah adalah diminta melaporkan kepada Bahagian yang berkenaan di Kementerian ini melalui telefon dan kemudiannya laporan bertulis semua kejadian-kejadian yang luar biasa yang boleh menarik perhatian orangramai atau akhbar-akhbar, kejadian-kejadian yang serious dan merbahaya atau apa jua kejadian-kejadian lain yang Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan selaku agensi yang bertanggungjawab harus mendapat perhatian.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha.
Semua Ketua Bahagian KKM.

3. Makmal kecil (Minilab)

Makmal ini hendaklah diwujudkan mengikut prinsip-prinsip yang sama seperti pengwujudan bilik-bilik perbincangan.

Makmal hendaklah dilengkapi dengan alat-alat dan bahan-bahan yang perlu untuk ujian-ujian yang berikut:-


- (a) Hb, TWDC
- (b) Blood film for malaria parasite
- (c) Thin blood film
- (d) Urine examination, including microscopic examination
- (e) Stool for EH, ova and cyst
- (f) Urine for bilirubin
- (g) Urine for acetone

4. Semua Pengarah adalah dikehendaki melaksanakan Pekeliling ini, berperingkat-peringkat jika kedudukan kewangan tidak mengizinkan. Pengarah Latihan dan Tenaga Manusia di Kementerian ini adalah bertanggungjawab mengesan dan melaporkan pelaksanaan Pekeliling ini setiap enam bulan. Semua pertanyaan mengenai Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:-

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
(u.p: Pengarah Latihan dan Tenaga Manusia),
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Bangunan M.M.A.,
Jalan Pahang,
Kuala Lumpur.

Tel: 986737

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k. - Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Semua Ketua Bahagian,
Kementerian Kesihatan Malaysia.